

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

30  
NOV

## KOR SUKSIS USM PLATFORM LAHIR PEMIMPIN MASA HADAPAN NEGARA



USM, PULAU PINANG, 30 November 2016 - Penubuhan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi atau Kor Suksis Universiti Sains Malaysia (USM) dilihat bukan sahaja bertujuan melahirkan pelapis pegawai-pegawai Polis malah berpotensi melahirkan pemimpin masa hadapan buat negara.

Itu harapan Ketua Polis Pulau Pinang, CP Dato' Abdul Ghafar Rajab yang menyandarkan Kor Suksis USM mampu mewarisi kepimpinan negara dan tegar menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal dilalui negara pada masa mendatang.



"Antara tujuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menubuhkan Kor Suksis di setiap IPT bukan sahaja untuk kepentingan Ko-Kurikulum semata-mata, malah lebih besar dari itu, iaitu ingin melahirkan seorang pegawai polis yang berpengetahuan, berintegriti tinggi serta mempraktikkan amalan disiplin yang sesuai dengan kriteria sebagai pemimpin."

Tambahnya, menjadi harapan besar buat Kor Suksis USM jika satu masa nanti dapat memainkan peranan penting dalam susur galur kepimpinan negara serta dapat mempertingkatkan kemakmuran negara ke suatu tahap yang diharapkan.



"Sehingga hari ini keahlian Kor Suksis seluruh IPT menjangkau 2,100 orang pelajar, dan anda semua merupakan aset berharga buat negara yang akan meneruskan perjuangan kesejahteraan dan keamanan negara dalam menjayakan wawasan 2020.

Beliau berucap di majlis Perjumpaan dan Sesi Dialog Ketua Polis Pulau Pinang bersama warga Kor Suksis USM yang diadakan hari ini di Kompleks Cahaya Siswa, Universiti Sains Malaysia (USM).



Yang turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merangkap Komandan Kor Suksis USM, ACP. Kehormat Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal; Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, IPK Pulau Pinang, Senior Asisten Komisioner Dato' Abdul Rahman Ibrahim dan pegawai-pegawai utama universiti dan PDRM.

Pada majlis itu, beliau sempat meluangkan masa berdialog bersama pelatih Kor Suksis dalam pelbagai isu semasa berkaitan masalah jenayah dan lain-lain.



Selain itu, Ahmad Shukri berkata semenjak penubuhan Kor Suksis USM pada 30 Mei 2005, kita telah berjaya melahirkan seramai 521 pegawai sukarelawan polis yang telah tamat latihan dan seramai 55 orang kini telah menjawat jawatan Inspektor Polis.

"Apabila anda tamat selepas ini, anda membawa nama USM dan haruslah bersedia untuk menghadapi keadaan yang lebih mencabar, berhemah, bijaksana dan kreatif serta berfikiran terbuka selari dengan arus pembangunan globalisasi," katanya.



Beliau turut berharap Kor Suksis USM akan menjadi pemangkin ke arah mewujudkan sebuah universiti yang bebas dari jenayah dan mampu mengangkat martabat Polis Diraja Malaysia, sebagai penguatkuasa undang-undang yang bertaraf antarabangsa.

Teks: Mohd Azrul Mohd Azhar



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015